

18/07/2004

Mukhriz dipilih ahli jawatankuasa Kubang Pasu

JITRA: Anak bekas Perdana Menteri, Datuk Mukhriz Mahathir, menang jawatan ahli jawatankuasa Umno bahagian Kubang Pasu pada mesyuarat di sini semalam.

Mukhriz, 40, memperoleh 339 undi daripada 472 perwakilan yang membuang undi pada pemilihan di Dewan Majlis Daerah Kubang Pasu, undi tertinggi di kalangan 64 calon jawatan berkenaan.

Beliau berkata kemenangan itu akan memberi peluang lebih luas untuknya memberi perkhidmatan kepada ahli parti di bahagian berkenaan.

"Terima kasih kepada perwakilan yang mengundi saya dan hasrat saya untuk memberi perkhidmatan lebih berkesan kepada ahli di Kubang Pasu tercapai," katanya.

Mukhriz berkata beliau akan memberi kerjasama penuh kepada kepemimpinan bahagian itu yang diketuai Ahli Parlimen Kubang Pasu, Datuk Johari Baharom. Pada 9 Julai lalu, Mukhriz ditewaskan oleh Zulkifli @ Md Ros Ahmad bagi jawatan Ketua Pemuda bahagian itu.

Mukhriz mendapat 132 undi manakala Zulkilfi menerima 141 undi manakala lapan undi rosak.

Pemuda bahagian Kubang Pasu turut mencalonkannya untuk jawatan Naib Ketua Pemuda Umno Pusat. Anak kelima Dr Mahathir itu juga menawarkan diri untuk jawatan Exco Pemuda Umno Pusat pada pemilihan September ini.

Terdahulu, sejourus sebelum pengundian pada mesyuarat itu semalam, seorang perwakilan mencadangkan supaya Mukhriz diberi laluan untuk jawatan ahli jawatankuasa bahagian dan cadangan itu diluluskan selepas disokong oleh 306 perwakilan.

Selepas cadangan itu disokong, perwakilan lain turut membuat cadangan sama bagi Exco Agama Islam, Prof Datuk Dr Othman Ishak.

Bagaimanapun, wakil Umno negeri yang juga Ketua Umno bahagian Pendang, Md Rozai Shaffian, menolak kedua-dua cadangan itu dan mahu kedua-dua calon melalui pengundian seperti biasa. Dr Othman juga menang jawatan berkenaan.

(END)